

# Bosnia: Jangan tentera Islam sekat

BH 21 MAY 1994

Oleh Othman Mamat dan Faizal Fadzil

ALOR STAR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta Britain jangan menggunakan alasan agama untuk menyekat tentera negara Islam mengambil alih tempat mereka apabila pasukan pengaman diundur dari Bosnia.

Perdana Menteri juga berharap, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyokong penggantian tentera Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Bosnia apabila Britain menarik balik tenteranya dari negara bekas Yugoslavia itu.

"Janganlah pulak bila orang lain tarik balik (tentera pengaman), dia (PBB) tarik juga... tidak mahu sokong Bosnia dan dedahkan orang Bosnia supaya disembelih oleh puak Serb.

"Ini seolah-olah PBB mengikut perintah... mengikut arahan orang lain. Kalau macam itu, saya ingat tidak ada guna PBB wujud," katanya kepada pemberita setibanya di sini, hari ini untuk menyambut Aidiladha, esok.

Beliau mengulas mengenai amaran Britain kononnya PBB akan mengundurkan askar pengaman pertubuhan dunia itu dari Bosnia, kecuali perdamaian dicapai dalam tempoh dua bulan.

Britain juga meminta kerajaan Bosnia mengakui kekalahan tenteranya dan tidak cuba merampas semula wilayah yang ditawan oleh pihak lawan dengan menggunakan kekerasan.

Dr Mahathir berkata, Britain berhak menarik balik tenteranya dari Bosnia jika kerajaannya tidak sanggup lagi menghadapi bahaya yang terpaksa ditempuhi pasukannya.

Malah, katanya, tidak ada guna tentera pengaman Britain dikekalkan di Bosnia jika mereka tidak lagi sanggup membela nasib rakyat negara Balkan itu dengan mempertahankan mereka daripada serangan penganas Serb.

"Hanya yang kita mahu ialah mereka (Britain) jangan menyekat tentera lain (OIC) yang ingin mengambil alih tempat mereka kerana alasan agama dan lain-lain... jangan sekatlah," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, perkara paling penting yang mesti diperjuangkan ialah menarik balik sekat senjata terhadap rakyat Bosnia.

Katanya, hak rakyat Bosnia untuk mempertahankan diri tidak dapat dinafikan kerana seperti bangsa lain, mereka diberi hak oleh piagam PBB untuk berbuat demikian.

"Kalau kita tidak beri peluang kepada dia (rakyat Bosnia) untuk mempertahankan diri dan kita juga tidak sanggup mempertahankan keselamatan dia, nampak aniayalah," katanya.

Menjawab soalan, Dr Mahathir berkata, penarikan balik tentera pengaman Britain memberi ruang kepada tentera OIC untuk mengambil alih tugas itu jika mereka sanggup berbuat demikian.

Beliau yakin tentera OIC mampu mengambil alih tempat yang dikosongkan oleh tentera pengaman dari Britain de-

# Jangan guna alasan agama

DARI MUKA 1

ngan syarat PBB memberi sokongan terhadap penggantian itu.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, berkata langkah Britain meminta kerajaan Bosnia mengaku kalah membuktikan ia merestui kekejaman penganas Serb terhadap masyarakat Islam Bosnia.

Menurutnya, Malaysia tidak dapat menerima pendirian Britain itu kerana ia seperti merestui penghapusan etnik yang dilakukan oleh penganas Serb.

"Reaksi saya sewaktu membaca berita itu seolah-olah menggambarkan matlamat Britain bahawa mereka tidak suka berbuat sesuatu menerusi cara aman, boleh jadi mungkin kerana mahu melihat penyelesaian dicapai menerusi muncung meriam.

"Kekuatan tentera Serbia adalah besar. Kita tidak dapat menerima penyelesaian di Bosnia-Herzegovina yang dilakukan secara rampasan dan keganasan.

"Jika kita melakukannya, bermakna kita membenarkan kekerasan dan dasar penghapusan etnik yang dijalankan oleh penganas Serb. Kami tidak boleh menerima penyelesaian seumpama itu diikuti negara lain," katanya kepada pemberita di Kuala Lumpur, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Britain semalam meminta Kerajaan Bosnia menerima hakikat bahawa mereka sudah kalah dalam peperangan dan memberi amaran askar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) akan diundurkan, kecuali perdamaian dicapai dalam tempoh dua bulan.

Kata dua Britain diikuti dengan pengumuman Perancis mengenai langkahnya mengurangkan jumlah pasukan pengamanannya di bekas negara Yugoslavia daripada 6,000 orang kepada 3,500 anggota.